



## **BADAN BERTINDAK IMUNISASI COVID-19**

### **COVID-19 Immunisation Task Force (CITF)**

---

### **MAKLUM BALAS ISU-ISU SEMASA**

#### **18 MEI 2021**

---

#### **Bekalan Vaksin dan Pembelian Vaksin oleh Negeri-Negeri**

Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) ingin mengulangi komitmen pembekalan vaksin yang percuma dan mencukupi kepada semua individu yang layak di setiap negeri bagi pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Selain daripada komitmen ini, negeri-negeri juga dibenarkan untuk menjalankan inisiatif pembelian bekalan vaksin mereka sendiri dengan syarat vaksin yang dibeli perlu mendapat kelulusan daripada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

Bagaimanapun, CITF mengambil maklum bahawa jenis vaksin yang cuba diperoleh negeri-negeri tersebut, sebagai contohnya negeri Selangor, buat masa ini adalah dari syarikat farmaseutikal yang sama dibeli di bawah PICK.

Berdasarkan syarat perjanjian di antara Kerajaan Persekutuan Malaysia dengan syarikat-syarikat pengeluar vaksin berkenaan, pembekalan stok vaksin yang telah ditempah perlu, dan akan didahulukan kepada Kerajaan Persekutuan bagi memastikan pelaksanaan PICK, sebelum apa-apa bekalan vaksin dapat disalurkan oleh syarikat farmaseutikal kepada

mana-mana pihak lain termasuklah kerajaan negeri, pihak industri atau hospital swasta yang membuat tempahan dan pembelian selepas Kerajaan Persekutuan, melainkan melalui pembekal yang tidak terlibat dalam PICK.

### **Sumbangan Vaksin oleh Pihak Luar**

CITF juga mengalu-alukan sebarang usaha dari mana-mana pihak yang ingin membantu PICK dengan menyumbangkan bekalan dos vaksin kepada PICK atau negeri, dengan syarat vaksin yang akan disumbangkan telah mendapat kelulusan NPRA. Buat masa ini, tiga jenis vaksin yang telah mendapat kelulusan NPRA adalah vaksin Pfizer, Sinovac dan AstraZeneca.

CITF mengambil maklum tentang hasrat Yayasan Sekhar untuk menyumbangkan bekalan vaksin jenis Sinovac kepada PICK. Bagaimanapun, setelah diperiksa dengan pihak Sinovac di China dan Pharmaniaga iaitu pemegang lesen bagi vaksin Sinovac di Malaysia, tiada apa-apa permohonan atau pembelian mahupun dokumen rasmi berkaitan perkara ini yang telah dikemukakan oleh Yayasan Sekhar. CITF ingin menjelaskan bahawa tiada sebarang halangan sekiranya Yayasan Sekhar atau mana-mana pihak yang mahu meneruskan hasrat murni ini namun ia haruslah disusuli dengan tindakan mengikut saluran yang ditetapkan.

### **Selang Masa antara Dos Vaksin**

CITF dan Jawatankuasa Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) mengambil maklum tentang cadangan dan pertimbangan daripada

negara Singapura dan negara-negara lain untuk memanjangkan selang masa antara dua dos vaksin COVID-19 dalam program vaksinasi mereka.

Seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini, selang masa antara dos bagi vaksin COVID-19 yang digunakan di Malaysia adalah ditetapkan menerusi maklumat serta data yang telah dihantar oleh syarikat pengeluar vaksin kepada NPRA. Sebagaimana kelulusan bersyarat yang diberikan kepada semua vaksin COVID-19 yang digunakan di Malaysia, syarikat pengeluar vaksin boleh serta perlu menghantar maklumat serta perkembangan apabila terdapatnya data-data terkini daripada penggunaan vaksin keluaran mereka.

Bagi tujuan memanjangkan selang masa antara dua dos, kumpulan pakar di bawah Jawatankuasa Pemilihan Calon Vaksin COVID-19 (JKPCV) yang diketuai oleh Dr. Kalaiarasu Peariasamy juga sedang menilai kesesuaian mekanisme ini berdasarkan penemuan serta hasil pelaksanaannya di negara lain di samping mendapatkan maklum balas daripada syarikat pengeluar vaksin. Keputusan lanjut berkaitan perkara ini akan dimaklumkan daripada semasa ke semasa.

### **Kehadiran di Pusat Pemberian Vaksin (PPV)**

CITF ingin menasihati orang ramai agar terlebih dahulu menyemak status risiko COVID-19 diri di aplikasi MySejahtera sebelum datang ke PPV bagi mendapatkan vaksin. Individu dengan status *kes yang disahkan*, *kes suspek*, *kontak rapat* dan *individu dalam pemantauan* tidak dibenarkan hadir serta masuk ke PPV.

Penerima vaksin juga diingatkan agar tiba ke PPV mengikut slot masa

yang telah diberikan dan diminta untuk tidak hadir terlalu awal bagi mengelakkan kesesakan di PPV seperti mana yang telah berlaku dalam beberapa hari ini. Penerima vaksin hanya akan dibenarkan masuk ke PPV mengikut waktu yang ditetapkan.

Sekiranya seseorang individu yang telah menerima janji temu tidak dapat hadir, janji temu baharu akan diberikan pada suatu tarikh lain yang akan ditentukan. Setiap PPV mempunyai senarai menunggu yang akan dihubungi bagi menggantikan mana-mana ketidakhadiran untuk mengurangkan risiko pembaziran vaksin.

Lindung Diri, Lindung Semua.

**Khairy Jamaluddin**

Menteri Penyelaras

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK)

18 Mei 2021